

SULIT

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

**PERATURAN PEMARKAHAN
MODUL *TOP 5* KUALA LUMPUR 2025
BAHASA MELAYU 1103/2
TINGKATAN 5
Kertas 2**



UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



1103/2 © 2025 Hak Cipta MPSM Kuala Lumpur

SULIT
[Lihat halaman sebelah]

Markah penuh: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **8** markah

Soalan 3: **9** markah

Soalan 4: **6** markah

Soalan 5: **4** markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata majmuk mantap** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata majmuk mantap.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata majmuk mantap telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata majmuk mantap salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin/ meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata majmuk mantap digunakan sebagai kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata kerja majmuk mantap

- (i) **kakitangan**
- (ii) **jawatankuasa**
- (iii) **tanggungjawab**
- (iv) **kerjasama**
- (v) **warganegara**

[Maksimum 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

1. “Amboi Arbain, lapar sangat nampaknya tu!”
Ayat Seruan
2. Arbain merupakan warganegara Pakistan yang bekerja sebagai posmen di kampung itu.
Ayat Penyata
3. Duduk kang, makan sekali.
Ayat perintah
4. “Kang, esok tak ke laut kah?”
Ayat Tanya

[Maksimum 8 markah]

Soalan 3 – Penyuntingan**Bahan 1**

- | | | | |
|-------|--------------|---|----------------------|
| (i) | diskrepsi | - | Deskripsi/ deskripsi |
| (ii) | mengemaskini | - | mengemas kini |
| (iii) | kuantiti | - | kualiti |
| (iv) | Pengisian | - | perisian |
| (v) | diberi | - | diberikan |
| (vi) | Emel | - | e-mel/E-MEL |

[Maksimum: 5 markah]

Bahan 2

- | | | | |
|-------|------------|---|-----------------------|
| (i) | maha siswa | - | mahasiswa |
| (ii) | di dalam | - | dalam |
| (iii) | duit kopi | - | duit saku/ duit poket |
| (iv) | tekanan | - | bebanan |
| (v) | baru. | - | baharu |
| (vi) | Beranggap | - | beranggapan |

[Maksimum: 4 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5-6
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Orang Siam datang lalu berperang dengan orang Melaka. Setelah beberapa lama berperang, banyak rakyat Siam mati, Melaka tidak kalah. Rakyat siam pulang. Semasa hendak pulang semua rotan yang digunakan untuk mengikat barang-barang dicampakkan di hulu Muar. Rotan itu tumbuh; kerana itulah dinamakan orang ramai sebagai Rotan Siam, pasungan kayu ara dan tumang juga tumbuh dan ada sehingga sekarang di hulu Muar.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

- (i) melentur buluh, biarlah dari rebunginya
- mendidik anak mestilah dilakukan sejak kecil 2
- (ii) bagaimana acuan, begitulah kuihnya
- tingkah laku seseorang anak mencerminkan didikan oleh ibu bapa 2
- (iii) kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
- orang yang mempunyai asal-usul yang baik akan tetap menjadi orang yang berguna walau di mana pun dia berada 2

[Maksimum : 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **12** markah

Soalan 7 : **13** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum**(i) *menyusun strategi***

-merancang/mengatur/merencanakan tindak tanduk/ taktik/cara-cara

[Maksimum: 2 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(ii) Ciri-ciri pemimpin**Bahan 1**

P1 Seorang pemimpin perlu mempunyai visi dan misi terhadap organisasi yang dipimpin.

P2 berwibawa

Bahan 2

P4 Seseorang pemimpin itu mestilah stabil dan sudut paksi kerjaya.

P5 Pemimpin yang mempunyai faktor objektiviti yang kuat

P6 Pemimpin yang mempunyai ciri inspirasi yang kuat

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan bahan 1 dan bahan 2.

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

(iii) Cabaran-cabaran melahirkan pemimpin yang cemerlang

P1 kurang rasa tanggungjawab/ jati diri

P2 kurang ilmu pengetahuan

P3 kurang kemahiran berkomunikasi/ bertoleransi

P4 kurang keyakinan diri

P5 kurang bimbingan/ ibu bapa tidak menunjukkan teladan yang baik bimbingan

(Cabaran yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]

[Isi cukup: 3 isi]

(iv) Tindakan-tindakan pantas

P1 meleraikan pergaduhan/menahan pergaduhan

P2 menasihati/menegur

P3 memaklumkan kepada guru

P4 mencatat nama murid

(Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 3 markah]

[Isi cukup: 2 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera**Maksud *menjaga adab***

memelihara sopan santun/budi bahasa /kesopanan/tingkah laku
memelihara adab /menjaga kesopanan/tingkah laku

2

1

[Maksimum: 2 markah]**(ii) Kesan Tindakan****Bahan 1**

- P1 di seluruh dunia, hutan diancam aktiviti pembalakan.
- P2 Bukan sahaja di Malaysia, malah hutan malar hijau di Lembangan Amazon juga terancam.
- P3 Pohon-pohon tembusu padang, meranti seraya, dan meranti tembaga di kawasan simpan, 20 KM dari sini sudah tiada lagi

Bahan 2

- P3 berlaku banjir,
- P4 Tsunami
- P5 Berlaku gempa bumi yang dahsyat
(*Gempa maha dahsyat berlaku*)

Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.

[Maksimum: 3 markah]**[Isi cukup: 2 isi]****(iii) Kepentingan memelihara hutan**

- P1 mengelakkan bencana
- P2 melindungi nyawa
- P3 mengurangkan risiko kemusnahan
- P4 memelihara kesihatan/ sumber perubatan
- P5 mengekalkan habitat flora dan fauna
- P6 memelihara ekosistem alam/ lapisan ozon/ mengurangkan kesan rumah hijau
- P7 meningkatkan ekonomi negara/ pendapatan / sumber pelancongan

(Perkara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]**[Isi cukup: 3 isi]****(iv) Tindakan-tindakan**

- P1 mengambil gambar/ video aktiviti yang dilakukan oleh mereka.
- P2 melaporkan/ memaklumkan/ menelefon pihak berkuasa / ketua kampung
- P3 viralkan/ menularkan/menguar-uarkan/ menyebarkan
- P4 meminta bantuan daripada masyarakat setempat/ orang ramai

(Tindakan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum: 4 markah]**[Isi cukup: 3 isi]****[Isi cukup: 3 isi]**

Soalan 8 – Novel

Cadangan-cadangan Muhammad Taufik ketika pembentangannya di hadapan Dato' Haji Mustofa.

- P1 Majlis Daerah Kuala Selangor perlu melakukan penilaian semula terhadap pelan pencahayaan bandar
- P2 Majlis Daerah Kuala Selangor juga perlu merancang semula setiap pelan pencahayaan bandar
- P3 Melaksanakannya dalam tahun kewangan yang akan datang,
- P4 Premis-premis komersial perlu dialihkan dari Balai Cerap Sultan Salahuddin dan tebing Sungai Selangor, sekurang-kurangnya 10 kilometer.
- P5 meneliti cadangan kami untuk mewartakan Kuala Selangor sebagai Kawasan Simpan Langit Gelap,

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

(i) Jawapan soalan novel

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Bagi 1 markah bagi huraian/contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum **4** markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (i) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (j) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

[Maksimum : 6 markah]

PERISTIWA-PERISTIWA YANG MENIMBULKAN SIMPATI KEPADA PEMBACA.

A. LEFTENAN ADNAN WIRA BANGSA karya Abdul Latip bin Talib

1. **Peristiwa Adnan dipandang rendah/diejek oleh rakan-rakan apabila menyertai pertandingan Pidato Bahasa Inggeris.**
Huraian:.Seorang murid yang mahu mencuba dipandang rendah

2. **Peristiwa Pak Saidi dicemuh oleh orang kampung apabila menghantar anaknya ke sekolah Inggeris**
Huraian: Niat baik seorang ayah dipandang serong oleh masyarakat.
3. **Peristiwa Leftenan Andan mati dibunuh di Bukit Candu dalam keadaan digantung pada pokok Ceri.**
Huraian: Seorang pejuang tanah air terkorban di medan perang/ dibunuh dengan kejam.
4. **Peristiwa Adnan dan kawan-kawannya terpaksa menjalani latihan ketenteraan yang lasak di kem askar.**
Huraian: Seseorang tentera terpaksa mengharungi kepayahan demi memperjuangkan tanah air.
5. **Peristiwa Pak Saidi ditangkap oleh orang askar Jepun yang berdendam dengan Leftenan Adnan.**
Huraian: Keluarga pejuang negara menjadi korban keganasan tentera musuh.

TIRANI karya Beb Sabariah

1. **Peristiwa Waheeda diserang monyet belanda dan terpaksa dikejarkan ke hospital**
Huraian: Seorang pekerja mengalami kecederaan di tempat kerja
2. **Peristiwa Waheeda diceraikan tanpa usul periksa**
Huraian: Seorang isteri menjadi mangsa cemburu buta suami.
3. **Peristiwa Waheeda terpaksa membesarkan anaknya dengan baik setelah diceraikan suaminya Zahid.**
Huraian: Seorang isteri bersusah payah membesarkan anak sendirian
4. **Peristiwa Waheeda terpaksa menerima rawatan di PUSRAWI kerana sakit gila meroyan selepas ditinggalkan Zahid.**
Huraian: Seorang isteri menjadi mangsa akibat perbuatan tak bertanggungjawab suami

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) **Isi** – **20 markah**
 (b) **Bahasa** – **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berganda
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
 - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

(b) **Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat yang <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan

Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa (rujuk jadual).
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Markah isi merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- (v) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (vi) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]**Markah**

P1	Rumusan membincangkan punca-punca/faktor-faktor/sebab-sebab makanan warisan tradisi semakin dipinggirkan/dilupakan dan usaha-usaha/langkah-langkah memelihara makanan warisan/ tradisi	2
P2	Rumusan membincangkan punca-punca/faktor-faktor/sebab-sebab makanan warisan tradisi semakin dipinggirkan	1
P3	Rumusan membincangkan usaha-usaha/langkah-langkah memelihara makanan warisan/tradisi	1

Isi [16 markah]**FOKUS 1 : Punca-punca Makanan Tradisi semakin dilupakan/ terpinggir****Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| A1 | <u>gaya hidup moden dan banyak komitmen</u> | 2 |
| A2 | <u>akibat arus pemodenan.</u> | 2 |
| A3 | dokumentasi yang longgar. | 2 |
| A4 | resipi keluarga yang hanya diwariskan secara lisan. | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|--|---|
| B1 | orang muda sekarang terpesona oleh makanan viral | 2 |
|----|--|---|

Bahan 3

- | | | |
|----|--|---|
| C1 | Ramai yang meminati/ mengimpikan makanan luar
(<i>Saat ramai bermimpikan santapan dunia luar</i>) | 2 |
| C2 | Mereka menganggap makanan tradisi ketinggalan zaman
(<i>Mereka beranggapan aku kenangan lama</i>) | 2 |

FOKUS 2 : Usaha-usaha untuk memelihara makanan warisan/ tradisi**Bahan 1**

- | | | |
|----|---|---|
| D1 | Pendidikan kulinari | 2 |
| D2 | Pendedahan terhadap makanan warisan kepada generasi muda seawal sekolah rendah. | 2 |
| D3 | Penawaran kursus berkaitan dengan makanan warisan | 2 |
| D4 | Resipi makanan warisan perlu ditulis semula menggunakan sistem ukuran metrik. | 2 |

Bahan 2

- | | | |
|----|------------------------------------|---|
| E1 | Membuka kedai makanan tradisional. | 2 |
|----|------------------------------------|---|

Kesimpulan [2 markah]

- | | | |
|----|--|---|
| K1 | Kesimpulannya makanan tradisional wajar dipelihara/ dipertahankan/dikekalkan agar terus menjadi warisan bangsa | 2 |
| K2 | Kesimpulannya makanan tradisional wajar dipelihara/ diwarisi/ dikekalkan | 1 |

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT